

BAB 3

KERANGKA TEORI

3.0 Pengenalan

Kajian akan dibuat menggunakan pendekatan teori analisis wacana dan etnografi komunikasi. Teori ini digunakan untuk menganalisis data yang diperoleh secara kualitatif. Teori-teori ini juga berfungsi untuk meninjau sejauh mana perkaitan penggunaan data yang dianalisis dengan petikan yang diambil.

Seterusnya pengkaji akan cuba mengaitkan perkataan dan ungkapan yang diperoleh dengan pemikiran Melayu tradisi. Pengkaji akan melihat signifikannya perkataan dan ungkapan yang terhasil dalam konteks yang dipilih. Pengkaji beranggapan ada perbezaan yang nyata perkataan dan ungkapan yang dihasilkan semasa penggunaan bahasa Melayu klasik itu digunakan dalam teks tersebut.

3.1 Teori Analisis Wacana

Wacana adalah unit bahasa yang melebihi batas ayat. Oleh itu, sesuatu wacana boleh dikatakan terdiri daripada ayat, sejumlah ayat, ceraian, bab, buku dan sebagainya. Ia juga menggambarkan satu kesatuan dan hubungan di antara butiran-butiran dan perkembangan akaliah yang ada di dalamnya. Asmah Haji Omar (1981:11)

Setiap wacana yang terhasil perlu mempunyai tujuan, sementara tujuan itu akan menentukan penggunaan yang dinamakan selenggaraan seperti pertanyaan dan suruhan. Apabila sesuatu penjelasan diperlukan, maka pewujudan selenggaraannya terdiri daripada ayat tanya.

Setiap wacana pula perlu berlandaskan hubungan antara penutur dengan pendengar dalam lisan atau penulis dengan pembaca dalam tulisan teks. Hubungan antara penutur-pendengar dan penulis-pembaca ini bergantung kepada informasi yang dimiliki bersama. Sekiranya besar informasi yang dimiliki bersama itu, maka wacana yang berlaku antara keduanya lebih pendek daripada wacana yang mungkin berlaku jika informasi milik bersama itu tidak seberapa. Tambahan pula, hubungan antara penutur-pendengar atau penulis-pembaca ini berganding erat dengan konsep wibawa, iaitu konsep yang menunjukkan bahawa seseorang itu biasanya penutur dapat menguasai keadaan yang menimbulkan wacana itu.

Teori analisis wacana ini telah diperkenalkan oleh Firth yang bersandarkan konsep B. Malinowski melalui pendekatan tentang hubungan bahasa dengan masyarakat. Kemuncaknya ialah teori makna dalam konteks dan mendakwa bahasa sesuatu tutur itu memperoleh maknanya bukan daripada hubungan akaliah antara idea-idea yang diwujudkan oleh kata-kata, tetapi daripada hubungannya dengan konteks situasi yang melatarinya.

Malcolm Coulthard (1985:1) menyatakan bahawa J.R. Firth (1935) ada menyarankan agar para linguist mengkaji tentang perbualan.

"we shall find the the key to a better understanding of what language is and how it works"

Ini bermaksud bahawa pengkajian tentang perbualan wacana menjadi perhatian bukan di kalangan para linguist tetapi para sosiolinguist, antropologi dan ahli falsafah. Keadaan ini bukanlah satu perkara yang sukar untuk diperolehi. Ini kerana para linguist bersetuju bahawa komunikasi manusia perlu ada tiga perkara iaitu pemahaman, rujukan dan bahan atau wacana, tatabahasa lexis dan fonologi.

Malcolm C. (1985:1) juga menambah dengan menyatakan bahawa Firth ada menegaskan;

“the main concern of descriptive linguistics is to make statements of meaning.”

Perkara utama yang dibimbangkan melalui linguistik deskriptif adalah untuk menghuraikan maksud terhadap sesuatu kenyataan. Dalam hal ini, untuk memahami sebarang ujaran akan mendapat satu keputusan yang kontra pada tahap fonologi dan sintaksis. Dengan itu, Firth menerima bahawa berlakunya unsur kontra pada tahap itu.

Sementara itu, di Amerika Syarikat pula analisis wacana ini mula diperkatakan dalam tahun 1952 oleh Zellig S. Harris dalam makalahnya yang bertajuk *Discourse Analysis*. Zellig menyatakan bahawa pemenggalan satu-satu wacana kepada unsur-unsur dasar atau bahagian-bahagian komponennya melalui kaedah penyebaran buku. Zellig cuba memperlihatkan hubungan antara morfem-morfem dalam sesuatu teks dari segi kehadirannya dan penyebarannya bersama dengan elemen-elemen tertentu sepanjang teks berkenaan. Ini bermakna beliau menekankan aspek struktur global atau wacana keseluruhan usahanya meneliti unsur-unsur morfem dalam maknanya. Sesuatu yang nyata ialah pendekatan Zellig telah meningkat dari analisis ayat kepada peringkat wacana.

Micheal Stubbs (1983:1) pula menyatakan bahawa analisis wacana merujuk kepada usaha mengkaji organisasi bahasa yang melangkaui peringkat ayat atau peringkat klausa. Hal ini bermakna analisis wacana mengkaji unit-unit linguistik yang lebih besar seperti penukaran perbualan atau teks-teks bertulis.

Sementara itu Harimurti Kridalaksana (1984) menjelaskan bahawa wacana adalah satu bahasa yang lengkap, dalam hierarki tatabahasa merupakan satuan tatabahasa tertinggi dan terbesar. Wacana direalisasikan dalam bentuk karangan yang utuh seperti novel, buku dan lain-lain.

Edmondson (1981:4) menjelaskan bahawa wacana merupakan peristiwa yang berstruktur yang dimanifestasikan dalam perilaku linguistik, sedangkan teks adalah suatu urutan ekspresi yang terstruktur dan membentuk suatu keseluruhan yang padu dan unik.

Brown dan Yule (1983:1) pula menyatakan bahawa analisis wacana merupakan analisis ke atas bahasa yang digunakan. Oleh itu, analisis itu pastinya tidak akan dibatasi dengan deskripsi bentuk bahasa yang tidak terikat pada tujuan atau fungsi yang dirancang untuk menggunakan bentuk tersebut dalam urusan-urusan manusia. Sekiranya ada ahli linguistik yang memusatkan perhatian pada penentuan sifat normal suatu bahasa, penganalisis wacana akan menyelidiki untuk apa bahasa tersebut digunakan.

Pendekatan yang digunakan oleh Brown dan Yule (1983:27) dalam analisis wacana boleh dibahagikan kepada lima bahagian iaitu rujukan, praandaian, implikatur dan kesimpulan.

3.1.1 Rujukan

Melalui pandangan semantik tradisional berkenaan dengan rujukan ini, Brown dan Yule (1983:28) telah memetik kata-kata Lyons (1968:404) yakni; "*the relationship which holds between words and things is the relationship of reference: words refer to things*". Pandangan tradisi ini terus diterjemah oleh penyelidik bahasa yang mendeskripsikan hubungan antara suatu bahasa tertentu dunia tanpa kehadiran pengguna bahasa. Namun kemudian, Lyons mula mengemukakan pandangan tentang rujukan dengan menyatakan "*it is the speakers who refers (by using appropriate expression): he invests the expression with reference by the act of referring*" (1977:177). Hal ini bermaksud, penuturlah merujuk (dengan menggunakan ungkapan yang sesuai) ia menerapkan ungkapan itu kepada rujukan dengan perbuatan merujuk. Pandangan mengenai rujukan ini yang perlu diikuti oleh para penganalisis wacana. Terdapat galakkan bagi konsep pragmatik tentang rujukan yang seperti itu pada pernyataan Strawson (1950) bahawa *referring* atau merujuk bukan sekadar ungkapan, ia adalah sesuatu yang dapat dilakukan oleh seseorang dengan menggunakan ungkapan; dan dalam pandangan Searle menyatakan tentang erti dirujuk oleh penutur, ungkapan tidak merujuk kepada sesuatu, seperti halnya membuat janji atau memberi perintah.

Oleh itu, dalam analisis wacana, rujukan dikategorikan sebagai perbuatan penutur/penulis. Misalnya pada ayat berikut, penutur A menggunakan ungkapan *my uncle* dan *he* untuk merujuk kepada satu individu dan *my mother's sister* dan *she* untuk merujuk kepada individu lain.

- (1) A: *my uncle's coming home from Canada on Sunday + he's due in +*
B: *how long has he been away for or has he just been away?*

A: *oh no they lived in Canada eh he was married to my mother's sister++ well she's been dead for a number of years now +*

.1.2 Praandaian

Pada contoh ayat-ayat di atas, telah dinyatakan bahawa penutur A memperlakukan informasi bahawa dia ada seorang pakcik sebagai praandaian dan penutur B, dengan pertanyaannya menunjukkan bahawa ia telah menerima praandaian itu. Brown dan Yule (1983:28) beranggapan bahawa praandaian yang diperlukan dalam analisis wacana adalah pragmatik iaitu ; *“defined in terms of assumptions the speaker makes about what the hearer is likely to accept without challenge”* (Givon, 1979a:50) bermaksud yang ditentukan berdasarkan anggapan dan andaian pembicara mengenai apa yang berkemungkinan akan diterima oleh pendengar tanpa tentangan. Pengertian berkenaan ‘dasar bersama’ yang dikatakan juga terlibat dalam menunjukkan ciri-ciri praandaian seperti itu juga terdapat dalam definisi Stalnaker (1978:321);

“presuppositions are what is taken by the speaker to be the common ground of the participants in the conversation.”

Ini bermakna bahawa pada kedua petikan tersebut sumber praandaian yang ditunjukkan adalah penutur. Oleh itu, seperti juga rujukan, sarjana Brown dan Yule (1983) juga menolak anggapan bahawa praandaian adalah berasal dari kalimat dan proposisi. Dengan itu, dapat dilihat sedikit secara praktis pengertian praandaian logik dalam analisis wacana yang mana Keenan (1971:45) mendeskripsikan dengan;

A sentence S logically presupposes a sentence S' just in case S logically implies S' and the negation of S, ~S, also logically implies S'

Ayat di atas menyatakan bahawa leksikal S secara logik mengandaikan perkataan S' hanya apabila S secara logik mengandungi S' dan pengelakkan S, $\sim S$, secara logik juga mengandungi S'. Jika dilihat semula pada ayat (1) tadi, sebagai S dan ayat di bawah ini pula sebagai (2a), dapat dibuat pengelakkan S sebagai (2b) dan praandaian logik S' sebagai (2c).

- (2) a. My uncle is coming home from Canada
- b. My uncle isn't coming home from Canada.
- c. I have an uncle.

Berdasarkan pendapat seorang lagi sarjana, Keenan, dapat diperhatikan bahawa (2a) secara logik telah mengandaikan (2c) kerana pengelakkannya yang kukuh. Namun, tidak menjadi keperluan untuk menjadikan ayat negatif (2b) ke dalam pertimbangan tentang hubungan antara (2a) dan (2c) yang muncul dalam pertuturan sebelumnya iaitu ayat (1) di atas.

Walaupun mungkin, umum tidak mengetahui bahawa penutur mempunyai bapa saudara Grice (1981:190) memberitahu melalui istilah informasi 'nonkontroversial'. Tambahan pula, penutur memberitahu 'my uncle' dan bukan 'I have an uncle and he.....', perlu diketahui bahawa ia tidak perlu menegaskan informasinya. Yang jelas adalah pemberitahuan bahawa orang itu 'is coming here from Canada'.

Dengan adanya penegasan ini, pendapat bahawa pengelakkan penegasan itu perlu diperhatikan bagi mengetahui apakah terdapat praandaian dalam apa yang ditegaskan oleh penutur yang mungkin tidak sesuai dengan intuisi.

Bagi memperkenalkan ayat negatif (2b) ke dalam ayat (2a) menerbitkan satu lagi masalah tambahan. Contohnya Kempson (1975) telah menunjukkan bahawa ayat seperti di bawah:-

- (2d) My uncle isn't coming home from Canada because I don't have an uncle

Ayat seperti (2d) begitu khusus untuk ujaran yang diucapkan penutur untuk mengelakkan praandaian penutur lain dengan cara yang lebih agresif. Namun, keadaan pada (2d) mungkin diujarkan, adalah berbeza dengan ayat pertama dari petikan (1). Para penuturnya boleh diduga yang mana mempunyai praandaian yang berbeza dalam kedua-dua situasi tersebut.

Jika mengharapkan dengan pengertian penutur, atau pragmatik, praandaian, ia hanya dapat memperakukan (2c) sebagai praandaian penutur dalam mengujarkan (2a). Ayat-ayat pada (2b) dan (2d) tidak termasuk dalam perkiraan ini.

Bagi menyokong pandangan bahawa pendengar bersifat seolah-olah praandaian penutur mesti diterima ada bukti yang mengatakan sebaliknya. Ini berdasarkan kajian Loftus (1975) mengenai jawapan-jawapan terhadap pertanyaan-pertanyaan penonton yang menonton sesuatu filem, tentang kejadian kemalangan kereta menimbulkan beberapa persoalan.

- (3) a. How fast was car A going when it turned right?
b. Did you see a stop sign?

Terdapat sebanyak 35% menjawab 'ya' untuk pertanyaan (3b) yang menyatakan praandaian bahawa *Car A turned right*. Manakala kelompok yang lain diutarakan soalan berikut;

- (4) a. How fast was car A going when it ran the stop sign?
b. Did you see a stop sign?

Salah satu praandaian penutur yang menanyakan soalan (4a) adalah '*Car A ran the stop sign*'. Dalam situasi ini, kelompok yang lebih besar iaitu 53% menjawab ya untuk pertanyaan (4b).

3.1.3 Implikatur

Implikatur yang digunakan oleh Grice (1975) menerangkan kemungkinan berkenaan pengertian, saranan atau maksud oleh seseorang penutur adalah berbeza dengan apa yang dikatakan oleh penutur. Terdapat **implikatur konvensional** yang menurut Grice ditentukan oleh "erti konvensional perkataan yang digunakan" (1975:44). Contoh berikut (2) yang mana penutur tidak langsung memberitahu bahawa suatu imej (berani) disebabkan oleh ciri lain (berbangsa Inggeris), tetapi bentuk ayat yang digunakan secara implikatur konvensional bahawa hubungan seperti itu wujud.

(2) *He is an Englishman, he is, therefore, brave.*

Sekiranya, individu yang dimaksudkan itu orang Inggeris dan tidak berani, akan menimbulkan kekeliruan dalam implikaturnya. Tetapi ujarannya, menurut Grice tidak perlu salah.

Konsep asas berkenaan implikatur dikemukakan oleh Grice (1975:5) adalah Prinsip Kerjasama (Cooperative Principle);

"make your conversational contribution such as is required, at the stage at which it occurs, by the accepted purpose or direction of the talk exchange in which you are engaged"

Pernyataan di atas menggambarkan buatlah sumbangan percakapan anda seperti diperlukan, pada tahap di mana ia muncul, dengan tujuan atau arahan yang dipersetujui/diterimapakai pada pertukaran percakapan yang anda ceburi.

Konvensi-konvensi perbualan yang menyokong asas itu adalah seperti berikut:

Kuantiti : berikan sumbangan anda seinformatif yang diperlukan (dengan tujuan pertukaran sekarang). Tidak perlu berikan sumbangan yang lebih informatif dari yang diperlukan.

Kualiti : Tidak perlu mengatakan apa yang diyakini tidak benar. Jangan mengatakan apa ygn tidak dimiliki tanpa cukup bukti.

Hubungan : lakukan sesuatu yang relevan

Cara : nyatakan dengan jelas.

Hindarkan ungkapan yang kabur.

Hindarkan kata-kata dalam erti berganda.

Berbicaralah secara ringkas.

Berbicaralah dengan teratur.

Maksim yang dikategorikan di atas menjadi sebagai petunjuk dalam menganalisis proses perbualan mahupun ayat yang wujud di antara penutur dengan pendengar. Sesuatu perbualan yang menggambarkan keadaan dua situasi akan menerbitkan yang maksim yang berlainan. Contohnya pada ayat di bawah;

3. a. *I am out of petrol*

b. *There is a garage round the corner.*

Melalui ayat di atas, Grice (1975:51) menyatakan bahawa *b* akan melanggar petunjuk relevan sekiranya tanpa alasan ia mengemukakan suatu kenyataan tentang sesuatu melalui kefahamannya. Implikatur yang berasal dari anggapan bahawa penutur *b* mengamalkan prinsip kerjasama adalah bahawa 'pompa bensin' yang tidak hanya ada di sebalik sudut jalan, tetapi juga akan masih buka dan menjual 'bensin'. Boleh juga dicatatkan bahawa, agar tiba kepada implikatur, kita harus mengetahui kenyataan-kenyataan tertentu tentang keadaan sekeliling, bahawa pompa bensin menjual bensin, dan bahawa di balik sudut jalan bukanlah satu jarak yang jauh. Kita harus juga menafsirkan ayat *a* tidak hanya sebagai deskripsi keadaan tertentu sahaja, tetapi juga sebagai permintaan bantuan. Setelah analisis mengenai erti yang dimaksudkan melampaui maksud harfiah perkataan yang dibaca, sejumlah persoalan yang berhubungan perlu diperhatikan dengan jelas.

3.1.4 Inferens

Oleh kerana penganalisis wacana, seperti pendengar tidak dapat memahami erti yang dimaksudkan penutur ketika mengujarkan sesuatu, seringkali ia harus mengandaikan usaha untuk membuat kesimpulan. Ini adalah untuk menafsirkan ujaran-ujaran atau hubungan antara ujaran. Terdapat pelbagai inferens yang terhasil dalam sesuatu andaian kesimpulan. Contohnya;

4. *a. if it's Sunny, it's warm*
b. it's Sunny.
c. so, it's warm.

Kemungkinan, kita dapat membuat sesuatu kesimpulan tertentu (4c) dari ayat-ayat sebelumnya (4a) dan (4b), melalui inferens yang deduktif, tetapi jarang-jarang kita diminta berbuat demikian dalam perbualan wacana seharian.

Kita mungkin sering menemui satu bentuk inferens yang agak longgar dan menyebabkan kita yakin bahwa *the hats and coats* yang disebutkan pada (5) adalah kepunyaan pemilik rumah yang di dapurnya terdapat *the dresser*.

5. *in the kitchen there was a huge dresser and when anyone went in you see the hats and coats were all dumped on this dresser.*

Mungkin juga inferens yang dibuat adalah salah, tetapi sebagai salah satu proses menganalisis wacana, melakukan inferens yang berkemungkinan adalah tidak menjadi satu kesalahan.

3.2 Teori Etnografi Komunikasi

Teori ini diperkenalkan oleh Hymes (1971a) digunakan untuk menganalisis pola-pola komunikasi yang berkaitan pengetahuan budaya dan perilaku manusia. Menurut Hymes (1971) kepentingan kajian bergantung kepada kemampuan berkomunikasi (*communicative competence*), iaitu kecekapan untuk menghasilkan ungkapan-ungkapan yang bersesuaian mengikut konteks, situasi, suasana perbualan itu dilaksanakan.

Perkara-perkara yang mendasari teori komunikasi pula adalah terdiri daripada faktor-faktor yang mempengaruhi terjadinya sesuatu pertuturan. Terdapat lapan ciri dalam teori ini, antaranya;

Yang pertama adalah latar tempat dan waktu (S) yang berbeza akan membezakan bentuk bahasa yang digunakan. Ini termasuklah lokasi, masa, musim dan aspek-aspek fizikal situasi itu. Misalnya seorang guru yang mengajar dalam sebuah kelas akan menggunakan bahasa formal dan pola-pola bahasa tertentu. Sebaliknya, jika dia berada dalam situasi yang lain seperti di pasar raya atau majlis keramaian bahasa yang tidak formal atau bahasa yang lebih mesra akan digunakan.

Seterusnya ia melibatkan peserta perbualan (P) yang merupakan unsur penting dalam menentukan pola komunikasi. Faktor-faktor yang menentukan bentuk bahasa yang digunakan dalam komunikasi termasuk status sosial, umur, jarak perhubungan dan pengalaman yang dimiliki bersama antara peserta. Bagi menentukan tujuan sesuatu komunikasi (E) sama ada untuk perbincangan, mesyuarat, berjenaka dan sebagainya. Tujuan komunikasi yang berbeza akan membezakan pola bahasa yang digunakan. Urutan lakuan (A) menjadi faktor penting yang menentukan penggunaan bahasa dalam komunikasi.

Sementara itu, nada perbualan (K) mengaitkan cara pemikiran yang disampaikan, makna yang tersirat dan emosi yang mengiringi peristiwa komunikasi. Unsur-unsur seperti kiasan, cemuhan, sindiran dan sebagainya akan menentukan penggunaan bahasa dan komunikasi.

Selanjutnya, alat (I) atau saluran komunikasi sama ada lisan, tulisan, isyarat dan sebagainya juga dapat menentukan pola-pola komunikasi. Selain itu norma-norma budaya (N) dalam sesuatu masyarakat dapat mempengaruhi penggunaan bahasa dalam

komunikasi antara peserta perbualan. Ia meliputi bentuk-bentuk bahasa, misalnya perkataan-perkataan tertentu yang tidak sesuai diucapkan atau mungkin menjadi pantang larang dalam sesuatu masyarakat. Contohnya dalam budaya masyarakat melayu, apabila pergi ke hutan tidak dibenarkan menyebut nama sebenar haiwan seperti harimau, sebaliknya harimau disebut sebagai *pak belang*. Ini dilakukan untuk mengelakkan sesuatu perkara yang tidak diingini berlaku. Begitu juga jika ada tikus di rumah, biasanya tikus akan dipanggil sebagai *cik siti* atau *mak iti*.

Pola komunikasi yang terakhir adalah Genre (G) merupakan jenis-jenis laras bahasa yang berbeza yang juga dapat menentukan perbezaan bentuk-bentuk bahasa yang digunakan dalam komunikasi. Dalam puisi misalnya, terdapat banyak unsur kiasan, perlambangan dan sebagainya. Sebaliknya dalam laras undang-undang mengandungi unsur-unsur bahasa yang berkaitan dengan badan kehakiman.

Seterusnya, Hymes (1972) telah menjelaskan bahawa analisis etnografi perbualan (*Ethnography of Speaking*) yang menumpukan kepada penggunaan bahasa perbualan, iaitu judul perbualan, mesej yang hendak disampaikan dalam perbualan dan latar serta aktiviti yang terlibat semasa perbualan itu terjadi Coulthard (1977:31). Ini dapat dinyatakan bahawa penggunaan bahasa yang tepat dan betul dalam menyampaikan sesuatu akan dapat memberi kefahaman kepada pendengar atau orang yang dilawan bercakap. Sekiranya ada kekaburan mesej dalam perbualan, ini akan menjadikan sesuatu perbualan itu menjadi tidak sempurna dan yang akhirnya akan melahirkan satu suasana yang tidak kondusif dalam perbualan.

Metod jenis ini cuba menganalisis pola-pola komunikasi menggunakan kaedah pemerhatian terhadap peserta perbualan. Sesuatu unit komunikasi dapat diperjelaskan dengan bantuan sistem penggolongan yang akan membahagikan sesuatu komunikasi

kepada komponen-komponen tertentu. Sistem atau grid penggolongan itu dikenali sebagai grid perbualan iaitu setiap huruf merupakan singkatan bagi setiap komponen yang berbeza yang berperanan dalam sesuatu komunikasi. Schiffrin (1994:142).

Teori ini adalah berkaitan dengan budaya yang mana dapat merangkumkan analisis perkataan dengan budaya masyarakat yang dikaji.

3.3 Teori Halliday

M.A.K. Halliday (1978:62) pula mengemukakan penggunaan bahasa melalui konteks ayat dengan mengkategorikan kepada 3 bahagian. Bahagian tersebut adalah field (bidang), tenor (bunyi bahasa) dan mode (cara penyampaian). Ini jelas dalam penerangan Halliday berkenaan ketiga-tiga konsep tersebut.

"Field refers to the ongoing activity and the particular purposes that the use of language is serving within the context of that activity; tenor refers to the interrelations among the participants (status and role relationships); and mode covers roughly Hymes' channel, key and genre."

Seterusnya, pengkaji akan menerangkan secara terperinci tentang ketiga-tiga konsep yang dikemukakan oleh Halliday.

3.3.1 Bidang (field)

Berdasarkan maklumat bidang yang diberikan oleh Halliday dalam tulisannya dapat difahami bahawa bidang termasuk dalam kelas dan kategori sesuatu seperti objek, kumpulan manusia yang terlibat, majlis yang dihadiri dan sebagainya. Ia juga berkaitan

dengan kualiti, kuantiti, masa dan tempat yang berazam untuk mempamerkan aktiviti secara semulajadi.

Sementara itu, jelas dapat diperolehi pengakhirannya kontinum dalam perkara utama yang difahami sebagai salah satu perkara yang memperlihatkan bidang dalam konteks sosial adalah simbolik yakni semulajadi verbal.

Contohnya dalam satu permainan dan perlawanan bola sepak, terdapat banyak peraturan secara verbal merupakan sebahagian daripada perlakuan sosial. Dalam perbincangan tentang bola sepak juga misalnya, perlakuan sosial adalah pertuturan dan perbincangan secara interaksi verbal adalah keseluruhan daripada perlakuan sosial. Perkara utama yang merupakan bidang dan pokok perbincangan yang pertama berkenaan bola sepak dan yang kedua adalah perbincangan.

3.3.2 Tenor

Konsep ini melibatkan unsur komunikasi dan bunyi bahasa antara perseorangan yang mengandungi unsur mood, kesungguhan menaksir dan memberi pandangan yang akan mewujudkan perhubungan yang baik dalam situasi. Ia melibatkan komunikasi seseorang dengan orang lain yang mana berperanan dalam sesuatu perhubungan. Peranan sosial adalah urutan yang utama tanpa merujuk tentang bahasa, sungguhpun ia mungkin menyedari melalui bahasa adalah satu petanda peranan kelakuan, semua peranan sosial termasuk dalam terma urutan ini. Susunan kedua adalah peranan di mana ia boleh ditafsirkan sebagai sistem linguistik atau bahasa. Ia berperanan bukan sekadar bahasa, peranan wacana kepada penyual, penyampai maklumat dan responden.

Contoh yang jelas komunikasi antara dua hala ini adalah seperti di dalam kelas, di antara guru dengan pelajar yang memainkan peranan sebagai penyual dan memberi tindak balas. Ia merupakan satu corak yang sistematik antara orang pertama dan kedua.

3.3.3 Mod

Konsep ini pula melibatkan sistem teks dan cara penyampaian yang berkaitan seperti tema, maksud, suara dan corak kohesif yang itu adalah rujukan, pengganti, penghapusan perkataan dan penghubung yang menjadi simbol dalam interaksi yang menegaskan keseluruhan situasi.

Ia melibatkan penggunaan teks mahupun cara bagaimana ia disampaikan. Jikalau suatu teks melibatkan penggunaan variasi bahasa pengiklanan, pasti cara penyampaian adalah sesuai dengan maklumat yang ingin disampaikan. Misalnya sebuah stesen radio ingin mengiklankan satu barangan baru di pasaran, perantara akan menggunakan teks sebagai garis panduan bagi menyampaikan apa yang perlu. Dari situ dapat kita perhati bagaimana cara penyampaian perantara tersebut mengikut tema dan maksud yang ingin disampaikan. Cara penyampaian yang dilakukan penuh keyakinan kerana perantara tersebut bertanggungjawab mempengaruhi pendengar sebagai pelanggan mencuba barangan baru. Oleh itu, cara penyampaian berkaitan secara langsung dengan tema dan mesej yang ingin disampaikan kepada golongan sasaran mereka.